

08 OCT 1998

Umno-penerangan

JENTERA PENERANGAN UMNO MINTA DR MAHATHIR TERUS PIMPIN PARTI

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Jentera penerangan Umno bahagian dari seluruh negara hari ini memberikan sokongan padu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengharapkan beliau terus memimpin parti bagi menghadapi cabaran ekonomi dan politik semasa, kata Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Noor.

"Anggota-anggota parti bersedia bekerja kuat dan dalam masa yang sama meminta beliau (Dr Mahathir) terus memimpin kerana kepimpinannya masih diperlukan dalam perjuangan ini," katanya kepada pemberita pada akhir Kursus Penerangan Umno yang berlangsung sehari di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Program kursus tertutup itu turut memuatkan sesi bersama Dr Mahathir yang memberikan amanat dengan menerangkan isu-isu penting berkaitan dengan perjuangan dan maruah bangsa, kata Dr Yusof.

"Presiden parti mengharapkan setiap anggota jawatankuasa penerangan mempunyai komitmen tinggi supaya kepentingan parti sentiasa terpelihara dan tidak ada perpecahan berlaku," katanya.

Menurutnya para peserta menyambut baik ucapan Dr Mahathir dengan memberikan tepukan gemuruh luar biasa.

"Memandangkan kepada keadaan ekonomi, kegawatan politik...mereka mengharapkan supaya beliau terus memimpin parti, lebih-lebih lagi menghadapi cabaran, beliau tidak seharusnya berundur, ini harapan daripada mereka," katanya.

Dr Yusof berkata kursus itu bertujuan memperkemaskan jentera penerangan Umno supaya penerangan yang lebih berkesan dapat diberikan kepada seluruh anggota dalam menghadapi situasi semasa.

"Kita dapati banyak kekeliruan yang terjadi dan rancangan mengadakan kursus ini dibuat selepas Majlis Tertinggi membuat keputusan supaya semua jentera penerangan mesti hadir pada satu kursus khas," katanya.

Dr Yusof berkata kursus sehari itu turut membincangkan strategi menentang dakyah parti-parti pembangkang yang cuba mengaut keuntungan daripada keadaan semasa.

-- BERNAMA

AZZ NAK